



# BULETIN SUBIS

*Subis Uniquely Beautiful Innovative Simply The Best*

**WALKING EXTRA MILES**

JULAI-DISEMBER 2023



**Tel: 085-719018 / Fax: 085 719527**



**[www.mdsbis.sarawak.gov.my](http://www.mdsbis.sarawak.gov.my)**



**Majlis Daerah Subis, Peti Surat 83,  
98150 Bekenu, Miri, Sarawak**



## SIDANG REDAKSI

### KETUA EDITOR

Encik Matassan Bin Piut

### EDITOR

Puan Serina Binti Salleh

Miftahul Raziqin Bin Rashid

Nur Hazliza Binti Acheh

### PENYUMBANG BAHAN

Mohd Noor Yusuf Bin Janis

### JURUGAMBAR

Mohamad Amran Bin Baha

Nur Hazliza Binti Acheh

## KANDUNGAN

|                                 |       |
|---------------------------------|-------|
| Julai                           | 1-8   |
| Ogos                            | 9-20  |
| September                       | 21-32 |
| Oktober                         | 33-41 |
| November                        | 42-48 |
| Disember                        | 49-55 |
| Kakitangan Baharu               | 56    |
| Kakitangan Berpindah            | 57    |
| Anugerah Perkhidmatan Cemerlang | 58    |



## MAJLIS ARAM BERAMI GAWAI SEGULAI SEJALAI DAERAH SUBIS 2023

Lokasi : Dewan Terbuka Niah

Tarikh : 15 Julai 2023

**NIAH** - Perasmian oleh YB Datuk Hajah Rosey  
Binti Haji Yunus Timbalan Menteri  
Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak  
Sarawak. Merangkap ADUN N.71 Bekenu.



# **MAJLIS DAERAH SUBIS MELAKSANAKAN MURNInets 2.0 - KAJIAN INDEK KEBAHAGIAAN PENDUDUK DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI PELAKSANAAN JARINGAN PENUNJUK PEMBANGUNAN MAMPAN BANDAR MALAYSIA**



Lokasi : Rh. Boniface Bada, Suai (Zon Kemena)

Tarikh : 18 Julai 2023

**SUAI** - Kajian soal selidik pelaksanaan MURNInets telah dilaksanakan di daerah Subis mencakupi Zon Peninjau, Zon Kemena, Zon Sibuti dan kajian ini adalah secara atas talian dibantu oleh pegawai-pegawai Majlis Daerah Subis. Sekurang-kurangnya 144 orang di kalangan penduduk, 9 orang kalangan NGO, 27 orang kalangan peniaga dan 300 orang kalangan kajian indek kebahagiaan penduduk di kawasan PBT perlu dilengkapkan.



# “SENIOR GOT TALENT” : PROGRAM PERPUSTAKAAN BERSAMA KOMUNITI 2023

**SEMPENA SAMBUTAN HARI SARAWAK 2023**

**PERPUSTAKAAN BERSAMA KOMUNITI**

*“Senior Got Talent”*

KOLABORASI : • PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) SIBUTI • PUSAT PERKHIDMATAN WARGA EMAS (PPWE) SIBUTI

- Taklimat Kesihatan - DCC Batu Niah
- Pertandingan Poco-Poco
- Pertandingan Mewarna
- Pertandingan Lagu Senior Citizen
- Demo Membuat Produk Dari Bahan Kitar Semula
- Penyampaian Hadiah
- Pertandingan Likes Terbanyak

**Tarikh : 22 Julai 2023 8:00 pagi**

**DEWAN MASYARAKAT BEKENU**

**HEBAHAN KHAS !! PAWE & PPWE**

**PEMENANGAKAN MEMBAWA PULANG HADIAH BERUPA WANG TUNAI & HAMPER**

PENDAFTARAN & KETERANGAN LANJUT HUBUNGI DI TALIAN

PK. SERIKA (MOS) - 019-4059682

EM. ALI (PAWE) - 016-8793400



Lokasi : Dewan Masyarakat Bekenu  
Tarikh : 22 Julai 2023

**BEKENU** - “Senior Got Talent” adalah kerjasama Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PPWE) Sibuti dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Sibuti merupakan program yang pertama dilaksanakan dengan pengisian program seperti Senamrobik, Pertandingan Mewarna Tong 3R Kategori Warga Emas, Pertandingan Zumba dan Karaoke Lagu Lama daripada peserta warga emas di Sibuti.



# **DELUNA CAFE, SIMPANG BEKENU JADI PILIHAN PERTANDINGAN KEDAI**

Lokasi : Deluna Cafe, Simpang Bekenu  
Tarikh : 29 Julai 2023

**Simpang Bekenu** - Deluna Cafe , Sibuti telah dipilih untuk di senaraikan dalam Pertandingan Premis -"Sarawak Chief Minister's Environmental Award 2023" anjuran NREB.



# AUDIT DALAMAN BALANCE SCORECARD (BSC)



Lokasi : Majlis Daerah Subis  
Tarikh : 20 Julai 2023

**Majlis Daerah Subis** - Audit Dalaman BSc diketuai oleh Encik Francis Lien Ak Agas dan purata Markah Keseluruhan BSC Majlis Daerah Subis ada sebanyak 91.75%.

# PERTANDINGAN “LIKES” TERBANYAK GAMBAR PAKAIAN ETNIK SEMPENA HARI SARAWAK



Tarikh : 7 – 20 Julai 2023

**HARI MALAYSIA** - Unit Perpustakaan Majlis Daerah Subis dengan kerjasama Pusat Komuniti Digital (DCC) Batu Niah telah menganjurkan pertandingan secara atas talian terbuka kepada kategori kanak-kanak 12 tahun ke bawah dimana hasil gambar akan dimuatnaik di laman Facebook DCC Batu Niah untuk mencari pemenang yang mendapat “likes” paling banyak dikira sebagai pemenang. Penyertaan peserta yang menggalakkan seramai 153 orang telah mengambil Bahagian.

# LAWATAN MEMPERKENALKAN PROJEK *Innovative Creative Circle* (ICC)



Lokasi : Majlis Daerah Subis  
Tarikh : 19 Julai 2023



Majlis Daerah Subis menerima kunjungan daripada Majlis Daerah Marudi seramai 7 orang untuk memperkenalkan Projek Innovation Creative Circle (ICC).

# ***PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK***



Lokasi : Padang Majlis  
Bandaraya Miri  
Tarikh : 12 Julai 2023

**MIRI** – Perlawanan persahabatan bola sepak antara kakitangan Majlis Daerah Subis yang diketuai oleh Encik Erwin Ak Mambang. Ini merupakan perlawanan persahabatan yang pertama bersama Jabatan Pertanian, Miri.



# AUDIT BALANCE SCORECARD (BSC) MAJLIS DAERAH SUBIS



Lokasi : Majlis Daerah Subis  
Tarikh : 3 Ogos 2023

**Pelaksanaan Audit Scorecard Majlis Daerah Subis** pada Tahun 2023 - daripada Jabatan Premier Sarawak (STIU) oleh Puan Syarifah Shazzea dan Encik Kerry Edison sebagai pengaudit. Tujuan audit adalah memastikan arahan pentadbiran yang ditetapkan dalam Struktur Tadbir Urus segala dokumen Scorecard, laporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta dokumen sokongan yang berkaitan adalah lengkap dan betul.

Kesimpulannya, Majlis Daerah Subis telah mendapat markah keseluruhan sebanyak 92%.



# **PERTANDINGAN FUTSAL ANTARA JABATAN PERINGKAT BAHAGIAN MIRI 2023**

Lokasi : Stadium Tertutup Miri  
 Tarikh : 4-6 Ogos 2023

**MIRI** – Majlis Daerah Subis telah mengambil bahagian dalam satu perlawanan futsal antara jabatan peringkat Bahagian Miri 2023 dan seramai 32 pasukan yang bertanding. Antara pasukan yang mengambil Bahagian adalah RANDO MIRI (Pejabat Residen Miri), Lembaga Pelabuhan Miri, COAST GUARD FT (Maritim Miri), IPD Miri (PDRM Miri), SUBIS EDU (PPD Miri), LANDAS (Jabatan Tanah & Survei), PSKPP Miri (PPD Miri), RUWAS SR (Jabatan Bekalan Air & Luar Bandar), MIRI PRISON (Penjara Pusat Miri), Majlis Daerah Subis, MYC CITY B (Majlis Bandaraya Miri), JIMS B (Jabatan Imigresen), FIRE RESQ B (Jabatan Bomba & Penyelamat), AGRI FC (Jabatan Pertanian Miri) dan Hospital Marudi.

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI : PROGRAM PENGUMPULAN E-WASTE DAERAH SUBIS



Lokasi : Tapak Letak Kenderaan  
RTC Sarawak, Sibuti  
Tarikh : 5 Ogos 2023



**BEKENU** – Majlis Daerah Subis telah berjaya mencatat rekod hasil Pengumpulan E-Waste sebanyak 1633.50 kg dengan kerjasama antara Syarikat Eye 1 Recycle (Miri) Sdn. Bhd. Menariknya, tawaran token diberi kepada pelanggan yang menghantar barangan terpakai seperti pakaian terpakai, barangan elektronik dan sebagainya jika mencapai 3kg dan ke atas.

# KARNIVAL KESIHATAN KOMUNITI SIBUTI, SARAWAK “MAITAH BEDUDUN SIHAT DI SIBUTI”

Lokasi : Dewan Masyarakat Bekenu

Tarikh : 6 Ogos 2023

**BEKENU** – Antara penglibatan Majlis Daerah Subis adalah pameran booth berkenaan info-info dan perkhidmatan-perkhidmatan seperti perlesenan, permohonan PPKB, Aduan dan pendedahan tentang penyakit Rabies.



# ***LAWATAN KUMPULAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK), MAJLIS DAERAH SUBIS KE MAJLIS DAERAH LAWAS***



Lokasi : Majlis Daerah Lawas

Tarikh : 8 Ogos 2023

Rombongan Kumpulan Innovative Creative Subis (ICS) dan Kumpulan Multifunctional Appliance Services (MAS), Majlis Daerah Subis telah mengadakan lawatan penanda aras ke Majlis Daerah Lawas.



# **PERTANDINGAN E-SPORT PUBG 2023** **ANJURAN UNIT PERPUSTAKAAN MAJLIS** **DAERAH SUBIS BERSAMA PUSAT** **KHIDMAT MASYARAKAT P218 SIBUTI**



Lokasi : Dewan Masyarakat Bekenu  
 Tarikh : 13.8.2023

Pertandingan E-Sport PUBG 2023 yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Lukanisman Bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan Merangkap Pusat Khidmat Masyarakat P.218 Sibuti.

# MIRI CITY STREET PARADE



Lokasi : Majlis Bandaraya Miri  
Tarikh : 17-19 Ogos 2023

**Miri-Seramai** 35 kakitangan Majlis Daerah Subis turut serta dalam raptai penuh dan Perarakan "Miri City Street Parade" yang dipimpin oleh Encik Matassan Bin Piut selaku ketua kontinjen Majlis Daerah Subis.

# KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) – KUMPULAN INNOVATIVE CREATIVE SUBIS (ICS)



Lokasi : Kuching  
Tarikh : 22 Ogos 2023

**Kuching** - Kumpulan Innovative Creative Subis (ICS) Majlis Daerah Subis yang diketuai oleh Encik Erwin Ak Mambang yang dibantu oleh Cik Azizah Brahim, Encik Julias Anyi Ibau, Encik Raden Hidayat Bin Raden Perhan, Encik Nasrul Bin Sidit dan Encik Khusairi Bin Roslan yang mengambil bahagian pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi peringkat jabatan/agensi yang diadakan di Borneo Cultures Museum, Kuching. Kumpulan ICS Majlis Daerah Subis hanya berjaya di peringkat awal untuk ke pemilihan peringkat akhir iaitu SCSICA.

# KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) – KUMPULAN MULTIFUNCTIONAL APPLIANCE SERVICES (MAS)



Lokasi : Kuching

Tarikh : 24 & 25 Ogos 2023



**KUCHING** – Kumpulan Multifunctional Appliance Services (MAS) telah dianggotai oleh 3 kakitangan Majlis Daerah Subis iaitu diketuai Puan Serina Salleh, Encik Mahmud Bin Sanai dan Encik Azman Bin Sapiee yang diadakan di Borneo Culture Museum, Kuching. Kumpulan MAS telah menghasilkan satu produk yang diberi nama "Je'man" iaitu sebuah ciptaan alat bantu yang memberi kemudahan dalam aktiviti-aktiviti harian. Pencapaian Kumpulan MAS memperkenalkan produk hanya berjaya di peringkat awal bagi pemilihan peringkat akhir SCSICA.

# VAKSINASI ANTI-RABIES PERCUMA UNTUK ANJING



Lokasi : Dewan Terbuka  
Sepupok Niah  
Tarikh : 26 - 27 Ogos  
2023

**NIAH** – Kempen Vaksinasi Anti-Rabies percuma untuk anjing dengan kerjasama Veterinar Bahagian Miri telah diadakan di Sepupok, Niah. Warga Subis terutamanya penduduk di Sepupok Niah digalakkan untuk merebut peluang ini dengan menghantar anjing peliharaan untuk mendapatkan vaksin susulan kes rabies yang berleluasa sejak kebelakangan ini.

# BENGKEL KURSUS ASAS *Fotografi*

Lokasi : Taman Negara Niah  
Tarikh : 30 Ogos 2023

**BATU NIAH** – Pusat Komuniti Digital (DCC) Batu Niah dengan kerjasama Unit Perpustakaan telah menganjurkan Bengkel Kursus Asas Fotografi menggunakan Smartphone telah menjemput pensyarah daripada PPKS atau Sarawak Skills Miri iaitu Encik Charles Kin Diking dan program telah dirasmikan oleh Tuai Rumah Boniface Bada Ak Enjah selaku Pengerusi Jawatankuasa DCC Batu Niah. Seramai 28 peserta yang telah hadir dan telah mendapat input yang banyak dalam pengisian tajuk-tajuk yang telah disediakan.



# KURSUS PENGURUSAN STRESS DI TEMPAT KERJA



**BEKENU** - Penceramah daripada Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG) iaitu Pegawai Tadbir (Psikologi) Tuan Haji Mohamad Umar Junit telah hadir menyampaikan ceramah beliau selama 2 hari bertempat di Bilik Latihan RTC Sarawak, Sibuti dengan mewajibkan semua kakitangan hadir mengikuti kursus yang dianjurkan.

Lokasi : Bilik Latihan RTC  
Sarawak, Sibuti  
Tarikh : 29 & 30 Ogos 2023

# ***PERTANDINGAN MENCIPTA POSTER DIGITAL BERTEMAKAN "HARI MALAYSIA 2023"***



Tarikh : 11-19 September 2023 (Atas Talian)

Menjelang sambutan Hari Malaysia 2023 Pusat Digital Komuniti (DCC) Batu Niah menganjurkan Pertandingan Mencipta Poster Digital bertemakan "Hari Malaysia 2023" dan seramai 5 orang peserta telah mendaftarkan diri. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk menonjolkan kreativiti dan bakat rakyat Sarawak terutamanya di daerah Subis dalam bidang seni grafik.



# PROGRAM KEMBARA KENALI BORNEO BAHAGIAN MIRI



Lokasi : Pantai Bungai, Sibuti  
Tarikh : 19 September 2023

**BEKENU** – Kembara Kenali Borneo yang melibatkan rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj yang tiba ke Miri pada 9 September 2023 dengan pilihan destinasi berkunjung di Pantai Bungai, Sibuti pada 10 September 2023. Perjalanan Tuanku melalui Program Kembara Kenali Borneo ini dimulai di Tawau, Sabah pada 3 September 2023 hingga 13 September 2023 berakhir di Telok Melano, Sarawak.



# LAWATAN SOSIAL KELAB REKREASI DAN KEBAJIKAN KAKITANGAN (KRKK) 2023 KE PULAU LANGKAWI



Lokasi : Pulau Langkawi, Kedah  
Tarikh : 14 -17 September 2023

**KEDAH** - Rombongan Kelab Rekreasi dan Kebajikan Kakitangan (KRKK) seramai 26 orang telah memilih pakej 4 hari 3 malam di Pulau Langkawi, Kedah sebagai lawatan sosial bagi tahun 2023. Destinasi yang dilawati seperti Dataran Lang Pulau Langkawi, Makam Mahsuri, Beras Terbakar, Kilim Geoforest Park, SkyBridge Langkawi, Kereta Kabel (SkyCap) Langkawi, Pantai Cenang, Nasi Dagang Pak Malau dan 3D Art in Paradise Langkawi antara pusat-pusat peranginan dan tempat-tempat bersejarah yang sempat dirakamkan.

# MAJLIS SELAMAT DATANG SETIAUSAHA BAHARU, PENGHARGAAN KEPADA PESERTA MIRI CITY STREET PARADE & KUMPULAN KIK SERTA GOTONG-ROYONG PERDANA



Lokasi : Perkarangan Pejabat  
Majlis Daerah Subis  
Tarikh : 18 September 2023

**Majlis Makan Berbeku (BBQ)** khas buat warga Majlis Daerah Subis sebagai mengalu-alukan kedatangan Setiausaha Baharu iaitu Cik Grace Joy Dapit yang telah memulakan perkhidmatan beliau pada Julai 2023 sekaligus memberi penghargaan kepada peserta perarakan Miri City Street Parade yang telah diadakan pada 19 Ogos 2023 di Majlis Bandaraya Miri berakhir di Times Square, Miri dan penghargaan kepada peserta-peserta Kumpulan KIK iaitu Kumpulan ICS dan Kumpulan MAS.





# PERTANDINGAN “TIKTOK CHALLENGE SUBIS AS ECO-TOURISM” 2023



Tarikh : 19-29 September 2023  
(Atas Talian)

**Pertandingan Tiktok Challenge Subis as Eco-tourism** adalah bertujuan untuk mempromosikan destinasi-destinasi yang menawarkan pengalaman pelancongan di sekitar Daerah Subis. Pertandingan ini telah disertai oleh 2 orang peserta yang menampilkan Taman Negara Niah iaitu Gua Niah sebagai kandungan pusat pelancongan yang popular di Daerah Subis dan merupakan antara rekod sejarah dunia.

# MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) SESI 2023-2025 - PIHAK PEKERJA



Lokasi : Majlis Daerah Subis  
Tarikh : 21 September 2023

**Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (Pihak Pekerja)** yang dipengerusikan oleh Encik Raden Hidayat Bin Raden Perhan bagi sesi Tahun 2023 hingga Tahun 2025.

# PROGRAM SEGULAI SEJALAI: AGENSI ENGGAU KOMUNITI JKP ZON NIAH-KEMENA TAHUN 2023



Lokasi : Rh. Jindah Sekaloh, Niah  
Tarikh : 24 September 2023

**KEMENA** - Perasmian program Segulai Sejalai Agensi Enggau Komuniti JKP Zon Niah-Kemena Tahun 2023 di Rumah Jindah Sekaloh, Niah telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Sri Dr. Stephen Rundi Anak Utom iaitu Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak. Antara pengisian program seperti membuka pameran agensi, ceramah keselamatan kebakaran dan demonstrasi keselamatan kebakaran daripada Balai Bomba dan Penyelamat Batu Niah. Tujuan utama program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada penduduk khususnya di kampung atau rumah panjang tentang kepentingan keselamatan kebakaran.



# **PERLAWANAN PERSAHABATAN FUTSAL ANTARA MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN VS MAJLIS DAERAH SUBIS**

Lokasi : Gelanggang Futsal, Miri  
Tarikh : 25 September 2023

**Perlawanan persahabatan** Majlis Perbandaran Padawan (MPP) vs Majlis Daerah Subis (MDS) telah berlangsung dengan jayanya dan secara tidak langsung telah menjalinkan hubungan silaturahim dan menyemarakkan semangat bersukan antara jabatan masing-masing.



## LAWATAN MUHIBBAH / PENANDA ARAS MAJLIS PERBANDARAN PADAWAN KE MAJLIS DAERAH SUBIS

Lokasi : Majlis Daerah Subis

Tarikh : 26 September 2023

**Rural Transformation Centre (RTC) Sarawak**, Sibuti dan Majlis Daerah Subis telah menerima lawatan muhibbah dan penanda aras daripada Majlis Perbandaran Padawan, Kuching seramai 17 orang dengan pengisian program lawatan di Tamu RTC Sarawak, Sibuti, Pejabat Majlis Daerah Subis, Pantai Bungai dan Pantai Peliau.



## MAJLIS SEKALUNG BUDI SEJAMBAK KASIH

Lokasi : Majlis Daerah Subis  
Tarikh : 27 September 2023

**Kelab Rekreasi dan Kebajikan Kakitangan (KRKK)** telah mengadakan majlis perpisahan bersama 3 kakitangan Majlis Daerah Subis yang telah mendapat tawaran perpindahan di Majlis Daerah Kapit dan Majlis Bandaraya Miri. Penghargaan kepada Puan Noor Afsila Binti Adnan, Encik Thompson Ak Sua dan Encik Raymond Ak Muling daripada seisi keluarga Majlis Daerah Subis.

# PERSIAPAN MAJLIS SAMBUTAN MAULIDUR RASUL TAHUN 1445H/2023M DAERAH SUBIS



Lokasi : Majlis Daerah Subis

Tarikh : 27 September 2023

**NIAH** – Sambutan Maulidur Rasul Tahun 1445H/2023M Daerah Subis kali ini bertempat di Masjid Al-Jabbar, Niah dan merupakan tuan rumah dimana pelbagai kategori agensi/jabatan, sekolah dan kampung seluruh Daerah Subis akan membuat perarakan sepanduk. Majlis Daerah Subis ditugaskan sebagai tenaga kerja untuk hiasan pentas utama, teknikal dan kebersihan sebelum, semasa dan selepas program.



# SELANGAU RAFT SAFARI 2023

Lokasi : Selangau, Sibul

Tarikh : 29 September 2023

**SIBU** – Majlis Daerah Subis telah menghantar wakil yang diketuai oleh Encik Mahmud Bin Sanai menyertai pertandingan kayak yang dianjurkan di program “Selangau Raft Safari 2023” dan telah berjaya tersenarai tempat ke-10 yang teratas.

**Selangau 2023**  
raft safari

29 July 2023  
Selangau, Sibul

**29KM RAFTING / KAYAK**

**Info & Registration**

[www.gritvent.com/selangauraft](http://www.gritvent.com/selangauraft)  
En Zuraimi Baizuri (012 4002890)  
En Rajkesh Jalba (019 4864678)

**Selangau 2023**  
raft safari

**TOP PRIZES**

**Raft Men Open**  
(4 men in a team)

- 1st RM1000 + Trophy
- 2nd RM700 + Trophy
- 3rd RM500 + Trophy
- 4th RM200 + Trophy
- 5th RM200 + Trophy

**Raft Women Open**  
(4 women in a team)

- 1st RM1000 + Trophy
- 2nd RM700 + Trophy
- 3rd RM500 + Trophy
- 4th RM200 + Trophy
- 5th RM200 + Trophy

**Raft Mixed Gender**  
(minimum 1 or more / female in team)

- 1st RM1000 + Trophy
- 2nd RM700 + Trophy
- 3rd RM500 + Trophy
- 4th RM200 + Trophy
- 5th RM200 + Trophy

**Raft Government**  
(all team members must be from some gov. department, mixed gender allowed)

- RM1000 + Trophy
- RM700 + Trophy
- RM500 + Trophy
- RM200 + Trophy
- RM200 + Trophy

**Kayak**  
(mixed gender)

- 1st RM500 + Trophy
- 2nd RM300 + Trophy
- 3rd RM200 + Trophy
- 4th RM100 + Trophy
- 5th RM100 + Trophy

**Info & Registration**

[www.gritvent.com/selangauraft](http://www.gritvent.com/selangauraft)  
En Awang (60 16678 2809)  
En Rajkesh Jalba (019 4864678)



## PROGRAM PENANGKAPAN ANJING LIAR (*TARGETED REMOVAL*) DAN PERSEMPELAN ANJING DI DAERAH SIBUTI

Lokasi : Kawasan Bekenu & sekitar  
Tarikh : 2-8 Oktober 2023

**Penglibatan** kakitangan Bahagian Kesihatan & Perkhidmatan Bandar, Majlis Daerah Subis bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Bahagian Miri dalam program penangkapan anjing liar dan persempeplan kepala anjing bagi daerah Sibuti telah dijalankan di sekitar kawasan Bekenu.



## PENILAIAN PERTANDINGAN POSTER BERSEMPENA BULAN INOVASI PERKHIDMATAN SARAWAK TAHUN 2023 BERSAMA MAJLIS DAERAH SUBIS



Lokasi : Majlis Daerah Subis  
Tarikh : 20 Oktober 2023

**Penilaian awal** daripada panel juri jemputan Cr. Samli Bin Tinggal, Cr. Annie Sahida Binti Gapar dan Cr. Joseph Billy Ak Changgai. Penilaian ini dilaksanakan sesuai dengan prosedur pemilihan poster bertemakan "Green Today, Thriving Tomorrow" yang layak dibawa ke pusingan akhir. Antara sekolah yang turut serta adalah Sekolah Kebangsaan Rancangan Sepupok, Sekolah Kebangsaan Bekenu, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chin Nam, Sekolah Kebangsaan Batu Niah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bakong



# MAJLIS DAERAH SUBIS TERPILIH SEBAGAI TUAN RUMAH TAHUN 2023 : HARI INOVASI PERKHIDMATAN SARAWAK

Lokasi : Dewan Masyarakat Bekenu  
Tarikh : 24-25 Oktober 2023

**BEKENU** – Majlis Daerah Subis telah terpilih sebagai tuan rumah Hari Inovasi Perkhidmatan Sarawak Tahun 2023 anjuran Kementerian Kesihatan , Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG) dengan penglibatan PBT lain seperti Majlis Daerah Lawas, Majlis Daerah Limbang, Majlis Daerah Marudi dan Majlis Bandaraya Miri. Program ini diadakan selama 2 hari di Dewan Masyarakat Bekenu dan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan , Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr. Penguang Manggil pada 25 Oktober 2023, Rabu. Majlis Daerah Subis telah dinobatkan Naib Johan bagi kategori “Pameran Booth Innowaste” untuk tahun 2023



## ***KURSUS KESEDARAN KERAHSIAAN MAKLUMAT SULIT, AKTA RAHSIA RASMI 1972***

Lokasi : RTC Sarawak, Sibuti  
Tarikh : 26 Oktober 2023

**BEKENU** – Penglibatan kakitangan Majlis Daerah Subis dari pelbagai seksyen dan jawatan telah hadir dengan jayanya Kursus Kesedaran Kerahsiaan Maklumat Sulit, Akta Rahsia Rasmi 1972 yang diadakan di RTC Sarawak, Sibuti. Kursus ini disampaikan oleh Pengarah Negeri, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia Negeri Sarawak, Encik Azizol Rahman Bin Yon.



# **JERAYAWARA MS ISO 9001:2015 KELUARAN 10 (K10) TAHUN 2023**

Lokasi : Majlis Daerah Subis

Tarikh : 27 Oktober 2023

Seramai 35 kakitangan Majlis Daerah Subis telah terlibat Jerayawara MS ISO 9001:2015 Keluaran 10 (K10) Tahun 2023 yang diadakan di Bilik Mesyuarat, Majlis Daerah Subis.

# KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN MAJLIS DAERAH SUBIS

ANDA DIGALAKKAN  
UNTUK MEMBUAT  
PEMBAYARAN DALAM  
TALIAN.

CIMB S PAY GLOBAL

SERUICE  
SARAWAK



UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI ;

MAJLIS DAERAH SUBIS,  
PETI SURAT 83,  
98150 BEKENU, MIRI, SARAWAK.

NO. TEL : 085-719 041  
NO. FAKS : 085-719 527



**TARIKH : 27 OKTOBER 2023 - 28 OKTOBER 2023**  
**MASA : 09.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI**  
**TEMPAT : PERPUSTAKAAN AWAM BATU NIAH**

## KAUNTER PEMBAYARAN

1 2 3

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI ;

MAJLIS DAERAH SUBIS,  
PETI SURAT 83,  
98150 BEKENU, MIRI, SARAWAK.

NO. TEL : 085-719 041 | NO. FAKS : 085-719 527

## BAYAR BIL CUKAI TAKSIRAN ANDA SEBELUM ATAU PADA TARIKH 31 OKTOBER.

ANDA DIGALAKKAN  
UNTUK MEMBUAT  
PEMBAYARAN DALAM  
TALIAN

CIMB S PAY GLOBAL

SERUICE  
SARAWAK

MAJLIS DAERAH  
SUBIS

## KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN

Lokasi : Perpustakaan Batu Niah

Tarikh : 27-28 Oktober 2023

**BATU NIAH** - Bahagian Penilaian dan Percukaian, Majlis Daerah Subis mengadakan kaunter bergerak cukai taksiran bertempat di Perpustakaan Batu Niah. Kaunter bergerak ini dilaksanakan bertujuan untuk memudahkan orang khususnya penduduk di sekitar Batu Niah yang ingin membuat urusan bayaran cukai dan pelbagai urusan berkaitan. Bagi pelanggan yang ingin membayar cukai taksiran selepas tarikh kaunter bergerak diadakan, pelanggan tersebut boleh hadirkan diri ke pejabat Majlis Daerah Subis sehingga 31 Oktober 2023.



# KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRONIK DAN ELEKTRONIK (BEE)

Lokasi : Dewan Terbuka  
Sepupok Niah  
Tarikh : 28-29 Oktober 2023

Buletin Majlis Daerah Subis | Oktober | 2023

**NIAH** - Kempen Pengumpulan BEE anjuran Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) dengan kerjasama Majlis Daerah Subis yang diadakan di Dewan Terbuka Sepupok Niah telah mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk sekitarnya. Secara keseluruhan, jumlah berat barangan e-waste yang terkumpul setakat 3657.4kg pada 28 Oktober dan 29 Oktober 2023.

# PERPUSTAKAAN BERSAMA KOMUNITI : PROGRAM 3R



Lokasi : Perpustakaan Desa Rih, Suai  
Tarikh : 29 Oktober 2023

**Program 3R** bersama komuniti diadakan untuk memupuk minda orang dan kanak-kanak di Perpustakaan Desa Rih Suai dengan memberi kesedaran tentang pentingnya kitar semula, mengawal dan mengurangkan pencemaran, menanam rasa tanggungjawab serta memupuk semangat cintakan alam semulajadi. Antara pengisian program adalah taklimat mengenai penjagaan alam sekitar menggunakan proses 3R, program membuat taman mini menggunakan botol, mewarna kategori kanak-kanak dan tayangan program 3R.

# KURSUS E-USAHAWAN : ASAS



Lokasi : RTC Sarawak, Sibuti  
Tarikh : 30 Oktober 2023

**Rural Transformation Centre (RTC) Sarawak**, Sibuti menawarkan kursus percuma kepada yang berminat menyertai “Kursus E-Usahawan : Asas” dengan penceramah jemputan daripada Sarawak Skill Miri. Kursus ini menawarkan pembelajaran tentang asas mempromosi bisnes melalui atas talian, pendedahan aplikasi dan cara pembayaran melalui atas talian dan pembelajaran asas membuat iklan-iklan produk bisnes menggunakan aplikasi Canva.

# PERSIDANGAN MALAYSIAN URBAN FORUM 2023 (MUF2023)



Lokasi : Di Hikmah Exchange dan PUSTAKA Negeri Sarawak  
Tarikh : 6-8 November 2023

**Pihak Urbanice Malaysia** telah mengadakan Malaysian Urban Forum 2023 (MUF2023) di mana Kementerian Kesihatan , Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG) menjemput wakil di PBT Majlis Daerah Subis untuk mengikuti forum yang diwakili oleh Puan Serina Salleh dan 6 Ahli Majlis daripada Majlis Daerah Subis.





# MAJLIS DAERAH SUBIS MENJALANKAN SARINGAN KESIHATAN

Lokasi : Majlis Daerah Subis

Tarikh : 10 November 2023



**Kakitangan Majlis Daerah Subis** menjalankan saringan kesihatan sebagai inisiatif amalan gaya hidup sihat. Saringan kesihatan yang disaring seperti bacaan tekanan darah, bacaan gula dan bacaan Indeks Jisim Tubuh (BMI).

# PROGRAM MASS VAKSINASI RABIES & PERLESENAN SERTA PEMASANGAN MIKROCHIP DI DAERAH SUBIS

Lokasi : Majlis Daerah Subis  
Tarikh : 10 November 2023



**SIMPANG BEKENU** – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Bahagian Miri telah bekerjasama dengan Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar Majlis Daerah Subis mengadakan Program Mass Vaksinasi Rabies dan Perlesenan serta Pemasangan Microchip di Simpang Bekenu selama 2 hari bermula 11 November hingga 12 November. Program ini merupakan peluang yang baik kepada pemilik-pemilik yang mempunyai haiwan peliharaan seperti anjing untuk mendapatkan vaksin rabies yang percuma.

# HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN TAHUN 2023



Lokasi : Perpustakaan Batu Niah  
Tarikh : 17-18 November 2023



**NIAH** – Program Hari Terbuka Perpustakaan 2023 telah diadakan di Perpustakaan Batu Niah selama 2 hari dan telah dirasmikan oleh Cr. Joseph Billy Ak Changgai. Antara sekolah yang terlibat ialah sekolah rendah kawasan Niah iaitu SK Sg. Manong, SK Kita, SK Batu Niah, SK Kampung Tarikan, SK Tanjung Belipat, SJK (C) Chee Mung dan SJK (C) Chin Nam dengan penglibatan pertandingan seperti deklamasi sajak dan bercerita. Manakala, Tadika dan Tabika yang terlibat seperti Tadika Methodist Batu Niah, Tadika Niah Sepupok, Tadika Batu Niah, Tabika KEMAS Kampung Tanjung Belipat dan Tabika KEMAS Kampung Lajong telah terlibat dalam pertandingan Program 3R.

# KURSUS E-USAHAWAN : PEMASARAN DIGITAL YANG EFEKTIF



Lokasi : Bilik Seminar, RTC Sarawak Sibuti

Tarikh : 18-19 November 2023

**BEKENU** – Rural Transformation Centre (RTC) Sarawak, Sibuti telah menganjurkan “Kursus E- Usahawan Pemasaran Digital yang Efektif” selama 2 hari dengan menjemput tenaga pengajar daripada Sarawak Skill, Miri. Kursus ini telah dihadiri seramai 30 orang peserta. Pendekatan program ini menekankan tentang pengetahuan mendalam serta sesi amali seperti cara membuat laman sesawang bisnes, cara pendaftaran akaun page, cara membuat link WhatsApp dan lain-lain.

# LAWATAN KERJA AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH SUBIS KE SABAH



Lokasi : Sabah

Tarikh : 23-26 November 2023



**Rombongan Ahli Majlis**, Majlis Daerah Subis sekurang-kurangnya 24 orang telah mengadakan Lawatan Kerja Ahli Majlis di destinasi pilihan seperti Majlis Daerah Beaufort, Kundasang dan Kota Kinabalu, Sabah selama 4 hari 3 malam.

# **LAWATAN SAMBIL BELAJAR KANAK-KANAK TADIKA KEMAS NKRA RH. THAMBI DAN NKRA RH CR. ROBERT**



Lokasi : Perpustakaan Batu Niah  
Tarikh : 27 November 2023



**BATU NIAH** – Perpustakaan Batu Niah telah menerima lawatan sambil belajar daripada Tadika KKEMAS NKRA Rumah Thambi Ak Brandah, Sungai Libai dan Tadika KEMAS NKRA Rumah Robert seramai 12 orang pelajar dan 11 orang ibu bapa serta 2 orang guru pengiring.

# BENGKEL KESELAMATAN KEBAKARAN BERSAMA KOMUNITI DI ZON BAKAS



LOKASI : RUMAH RICHARD PIE, BAKAS  
TARIKH : 2 DISEMBER 2023

**RH. RICHARD PIE, BAKAS** –Sekitar "Program Keselamatan Kebakaran Bersama Komuniti" yang telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-kanak, Sarawak merangkap ADUN N.71 Bekenu, Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey Binti Haji Yunus pada 2 Disember di Rumah Richard Pie. Penglibatan beberapa agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah Subis, Pejabat MPOB Cawangan Batu Niah, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Miri dan Bomba Batu Niah turut hadir. Program ini memberi pengetahuan terhadap kepentingan pengetahuan asas dan tindakan awal ketika menghadapi perkara di luar kawalan seperti kebakaran di kampung atau di rumah panjang. Selain itu, pengisian bengkel sampingan seperti ceramah daripada AADK berkenaan penyalahgunaan dadah dan pameran pelbagai perkhidmatan daripada agensi.

# PENCEGAHAN DAN KAWALAN NYAMUK AEDES: PENGASAPAN (FOGGING)



LOKASI : SK SUNGAI SEBATU, SUAI  
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

**SUAI** - Pasukan fogging Majlis Daerah Subis diketuai oleh Salijarahman Bin Sapaie daripada Bahagian Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar dianggotai 8 orang kakitangan telah membuat operasi pengasapan di Sekolah Kebangsaan Sungai Sebatu, Suai bagi pencegahan dan kawalan pembiakan nyamuk aedes disekitarnya dan pemantauan di tempat-tempat yang sering menjadi pembiakan nyamuk aedes telah dilaksanakan setelah mendapat aduan daripada pihak sekolah.

# MESYUARAT PENUH AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH SUBIS



LOKASI : GRAND PALACE, MIRI  
TARIKH : 14 DISEMBER 2023

**MIRI** - Majlis Daerah Subis telah menetapkan mesyuarat penuh ahli majlis diadakan di Grand Palace, Miri yang dipengerusikan oleh Puan Norlila Binti Ulis seterusnya dihadiri oleh barisan Ahli-Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua-Ketua Bahagian dan Ketua Unit Majlis Daerah Subis. Mesyuarat penuh ini merupakan mesyuarat yang wajib diadakan pada setiap tahun sekaligus penutup bagi tahun 2023.

# KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN KOLABORASI SERBA UNIK SDN. BHD



LOKASI : BILIK SEMINAR RTC  
SARAWAK, SIBUTI  
TARIKH : 13-14 DISEMBER 2023

  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN

*Anjuran Bersama:*

  
**MAJLIS DAERAH SUBIS**

  
**SERBA UNIK SDN. BHD.**  
Sekolah Latihan Pengendali Makanan  
Yang Diiktiraf Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia  
(012-289 6079, 018-234 6897)

TENAGA PENGAJAR : RILIAN SALUTAN DENNIS (TP1219015-1)  
TARIKH KURSUS : 13hb & 14hb Disember 2023  
LOKASI : RTC SARAWAK, SIBUTI



**BEKENU** – Serba Unik Sdn. Bhd Encik Rilian Salutan Dennis berkolaborasi dengan Majlis Daerah Subis yang diketuai oleh Encik Ebau Anak Boniface dengan mengadakan Program Kursus Pengendalian Makanan yang diadakan selama 2 hari di RTC Sarawak, Sibuti. Kira-kira 40 orang peserta telah mendaftarkan diri mengikuti kursus yang ditawarkan. Peserta telah memenuhi syarat pertama iaitu mendapatkan sijil pengendalian makanan sebelum menjalankan suatu perniagaan makanan dan minuman.

# SANITASI DAN DISINFEKSI KAWASAN MAJLIS DAERAH SUBIS



LOKASI : BANGUNAN MAJLIS DAERAH SUBIS  
TARIKH : 14 DISEMBER 2023

**PENCEGAHAN COVID-19** - Usaha pencegahan Covid-19 di pejabat telah dilaksanakan dengan mensanitasi setiap seksyen di bangunan Majlis Daerah Subis. Amalan sanitasi dan disinfeksi di pejabat perlulah dipraktikkan tidak kira dimana-mana sahaja terutama di bahagian yang kerap dikunjungi orang .

# OPERASI RABIES YANG TELAH DILAKSANAKAN SECARA BERPERINGKAT OLEH MAJLIS DAERAH SUBIS



**Lokasi :** SK Batu Telingai, Niah Research Station Sg. Sepupok Niah dan SK Rumah Mentali Saeh  
**Tarikh :** 19 Disember 2023



**Lokasi :** SK Patrick Libau/Rumah Patrick Libau dan SAVTI Kabuloh  
**Tarikh :** 20 Disember 2023



**Lokasi :** Kampung Bungai, Bekenu, Kampung Tengah, Bekenu, Kampung Dagang, Bekenu, Pasar RTC Bekenu, Masjid Al-Muttaqin, Bekenu, Perumahan Bekenu dan SK Bekenu  
**Tarikh :** 21 & 26 Disember 2023



**Lokasi :**  
(1) Kampung Sepurau, Kabuloh, PPKS Simpang Bekenu dan Kawasan Bekenu  
(2) Rumah Johnson Selo, SEDC Simpang Bekenu, Tamu Simpang Bekenu dan Pasar Simpang bekenu  
**Tarikh :** 7 & 27 Disember 2023



**Lokasi :**  
(1) Balai Polis Batu Niah  
(2) Pasar Batu Niah  
(3) Kampung Sulap Lada  
(4) Tamu Niah Baru  
(5) Tamu Niah Lama  
**Tarikh :** 28 Disember 2023

# PERTANDINGAN ATAS TALIAN PENUTUP TAHUN 2023



TAJUK PERADUAN : PERTANDINGAN  
GAMBAR LIKE TERBANYAK SEMPENA "SUBIS  
POWER BOAT RACE 2023"

TARIKH PERADUAN : 9-17 DISEMBER 2023

TAJUK PERADUAN : PERTANDINGAN  
FOTOGRAFI LIKE TERBANYAK "MY FAMILY  
PICTURE AT CHRISTMAS 2023"

TARIKH PERADUAN : 23 - 28 DISEMBER 2023

**Keseluruhan penyertaan** atas talian Pertandingan Gambar Like Terbanyak "Subis Power Boat Race 2023" adalah 16 orang manakala Pertandingan Fotografi Like Terbanyak "My Family Picture At Christmas 2023" sebanyak 14 orang dengan tawaran hadiah berupa wang tunai kepada pemenang yang mendapat Tempat Pertama, Tempat Kedua dan Tempat Ketiga.

# SELAMAT DATANG KEPADA KAKITANGAN BAHARU TAHUN 2023

## SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH SUBIS



Nama : Grace Joy Dapit  
Tarikh Melapor Diri : 27 Jun 2023  
Jawatan : Setiausaha N44

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



Nama : Raden Hidayat Bin Raden Perhan  
Tarikh Melapor Diri : 1 Februari 2023  
Jawatan : Pembantu Tadbir (P/O), N22

## BAHAGIAN KEJURUTERAAN



Nama : Jacob Lu  
Tarikh Melapor Diri : 6 Jun 2023  
Jawatan : Pembantu Awam H11

## BAHAGIAN KESIHATAN AWAM & PERKHIDMATAN BANDAR



Nama : Hendry ak Albert Bennet  
Tarikh Melapor Diri : 16 November 2023  
Jawatan : Pembantu Awam, H11



Nama : Angel Jong Yit Hua  
Tarikh Melapor Diri : 1 Disember 2023  
Jawatan : Pembantu Kesihatan Awam, U19



Nama : Mohammed Ikhsyamudin Bin Taha  
Tarikh Melapor Diri : 1 Disember 2023  
Jawatan : Pembantu Kesihatan Awam, U19

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI(UNIT PERPUSTAKAAN)



Nama: Mohd Noor Yusuf Bin Janis  
Tarikh Melapor Diri : 3 April 2023  
Jawatan: Atendan Perpustakaan



Nama : Miftahul  
Raziqin Bin Rashid  
Tarikh Melapor Diri :  
1 November 2023  
Jawatan : Atendan  
Perpustakaan



Nama : Mohamad  
Amran Bin Baha  
Tarikh Melapor  
Diri : 1 November  
2023  
Jawatan : Atendan  
Perpustakaan



Nama : Khairunnisa  
Binti Abdullah  
Tarikh Melapor Diri  
: 1 November 2023  
Jawatan : Atendan  
Perpustakaan



Nama : Alexson  
Lawrence Anak  
Nyipa  
Tarikh Melapor Diri  
: 1 November 2023  
Jawatan : Atendan  
Perpustakaan

# Tahniah dan Terima Kasih kepada Kakitangan yang telah berpindah tempat kerja 2023

## SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH SUBIS



Nama : Farrah Sofya Binti Mohd Sharbini  
Jawatan : Setiausaha, N44  
Perkhidmatan : 2018 – 01.03.2023

## BAHAGIAN KESIHATAN AWAM & PERKHIDMATAN BANDAR



Nama : Rosmayarini Binti Mail  
Jawatan : Pembantu Kesihatan Awam, U19  
Perkhidmatan : 2020 – 12.06.2023



Nama : Raymond Anak Muling  
Jawatan : Pembantu Awam, H11/H14  
Perkhidmatan : 2021 – 02.10.2023

## BAHAGIAN KEJURUTERAAN



Nama : Ruzana Asilah Binti Sulhi  
Jawatan : Penolong Jurutera,  
JA29 (JBC)  
Perkhidmatan : 2020 –  
01.07.2023



Nama : Thompson Ak Sua  
Jawatan : Pembantu Awam, H11  
Perkhidmatan : 2019 –  
02.10.2023



Nama : Noor Afasila Binti Adnan  
Jawatan : Penolong Jurutera,  
JA29  
Perkhidmatan : 2019 – 1.11.2023



Nama : Michelle Anak Eduvin  
Moris  
Jawatan : Penolong Jurutera,  
JA29 (JBC)  
Perkhidmatan : 02.10. 2023 –  
28.12.2023

# TAHNIAH KEPADA PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2023

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



Nama : Nur Farisha Binti Ibrahim  
Jawatan : Pegawai Tadbir, N41

## BAHAGIAN PENILAIAN & PERCUKAIAN



Nama : Serani Ak Kasau  
Jawatan : Pembantu Penilaian, W19

## UNIT KEWANGAN



Nama : Saimah Binti Lani  
Jawatan : Pembantu Tadbir (Kewangan), W22

## BAHAGIAN KEJURUTERAAN



Nama : Matnor Bin  
Suhaili  
Jawatan : Pembantu  
Awam, H11



Nama : Noor  
Afasila Binti Adnan  
Jawatan : Penolong  
Jurutera, JA29